

Negara2 maju boleh terus cemar dunia dengan gas?

RIO DE JANEIRO 13 Jun — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, negara-negara maju mahu mengekalkan hutan tropika di negara-negara membangun supaya mereka boleh terus mencemar dunia dengan gas dari industri mereka.

Katanya, negara-negara maju telahpun menebang semua hutan mereka, dan kini mereka berkata bahawa hutan-hutan tropika milik mereka.

"Mereka mahukan hutan-hutan tropika itu bukan kerana untuk melindunginya, tetapi supaya mereka boleh terus mengeluaran gas karbon dioksida," tegas beliau dalam satu temu bual khas dengan Independent Television Network di sini semalam.

Perdana Menteri berada di sini untuk menghadiri Persidangan Alam Sekitar dan Pembangunan, Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNCED) yang memulakan persidangan peringkat ketua negara dan kerajaan semalam sehingga esok.

Dr. Mahathir memberitahu, Presiden Amerika George Bush lebih suka bercakap tentang hutan kerana membiayai usaha-usaha memulihara dan mengurus kawasan perhutanan itu.

"Beliau tidak mahu bercakap tentang masalah pemanasan bumi kerana Amerika terpaksa bayar (kos-kos ekonomi). Kini sudah tiba masanya bagi mereka yang mencemar bayar terhadap



GAMAL NASIR MOHD ALI

Wakil Utusan Di Kemuncak Bumi Rio 3 - 14 Jun 1992



SIDANG KEMUNCAK BUMI DI RIO

segala pencemaran yang mereka keluarkan," ujarnya.

Selain itu, Perdana Menteri telah mengadakan tiga pertemuan dua hala selepas beliau mempengerusikan sidang plenari Sidang Kemuncak Bumi petang semalam.

"Dr. Mahathir mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri China, Li Peng; Perdana Menteri Ireland, Albert Reynolds; dan Perdana Menteri Sweden, Carl Bildt.

"Kebanyakan perbincangan tertumpu kepada isu hubungan dan kerjasama dua hala, serta usaha-usaha meningkatkan daungan di an-

tara negara-negara," jelas Menteri Luar, Dato' Abdullah Ahmad Badawi di satu taklimat petang semalam.

Abdullah berkata, pertemuan Dr. Mahathir dengan Reynolds lebih berupa pertemuan awal memandangkan Perdana Menteri akan mengadakan lawatan rasmi ke Ireland September ini.

Pertemuan dengan Li pula, katanya, adalah pertemuan untuk mengeratkan hubungan sedia ada Malaysia-China, dan pertemuan dengan Bildt pula, Perdana Menteri menjemput Bildt melawat Malaysia.

Sementara itu, Dr. Mahathir dijadualkan untuk menyampaikan ucapan pentingnya di sidang plenari Sidang Kemuncak Bumi di sini di samping mengadakan satu sidang akhbar dengan semua akhbar petang ini.

Seramai 56 ketua negara dan kerajaan berucap selama kira-kira tujuh minit semalam, hari pertama persidangan ketua-ketua negara dan kerajaan UNCED.

Perdana Menteri India, Narashima Rao telah mendahului ucapan dan diakhiri oleh Timbalan Presiden Honduras, Roberto Martinez.